



Soal Pemberontakan di Indonesia

(Di bawah ini kami sajikan sambungan huraian

al-Fāḍil Tuan Muḥammad Arshad Talib Lubis, Medan, mengenai masalah “Penyelesaian Pemberontakan dan Perang Saudara Menurut Hukum Fiqah Islam”, sebagai jawapan kepada pertanyaan saudara Ahmad bin Haji Hasbullah, Batu Pahat, tentang pemberontakan yang masih berlaku di Indonesia dan cara menyelesaikannya menurut ajaran Islam. – (Abu al-Mokhtar).

Hukum Melakukan Pemberontakan

Taat kepada kepala negara Islam (*al-imām al-a‘zam*) hukumnya wajib, (*Fath al-Bārī* 5:13 dan *Asnā al-Maṭālib* 4:110). Maka melakukan pemberontakan atau tiada taat kepadanya adalah haram. Imam Nawawi menerangkan dalam “*Sharah Muslim*” bahawa kaum Muslimin telah ijma’ menghukumkan tiada taat terhadap kepala negara Islam itu hukumnya haram (*Asnā al-Maṭālib* 4:111).

Dalam pada itu ulama membezakan antara pemberontakan yang cukup syaratnya dengan yang tiada cukup syaratnya. Menurut keterangan al-Sheikh ibn Hajar dalam *al-Zawājir* 2:95 pemberontakan yang cukup syaratnya adalah haram dosa kecil, sedang pemberontakan yang tiada cukup syaratnya, misalnya pemberontakan yang dilakukan dengan tiada mempunyai takwil, adalah haram dosa besar. Sebab itu ulama

mengatakan kaum pemberontak yang cukup syaratnya yang memberontak terhadap kepala negara Islam tiadalah dikatakan fasiq. Kerana menurut istilah ilmu fiqah tidaklah tiap-tiap mengerjakan yang haram itu memfasiqkan. Perbuatan haram yang memfasiqkan ialah jika ia dosa besar, sedang dosa kecil tiada memfasiqkan. Tersebut dalam *Ghāyah al-Bayān* 330: “Sebahagian ulama menamakan pemberontak itu orang yang berbuat maksiat dan katanya: Tiadalah tiap-tiap maksiat itu memfasiqkan.”

Hukum Melakukan Terhadap Kepala Negara yang Zalim

Kepala negara yang telah sah kedudukannya menurut hukum Islam, ada yang disebut kepala negara yang adil, dan ada pula kepala negara yang zalim. Kepala negara yang adil ialah kepala negara yang tiada melakukan perbuatan yang memfasiqkan, baik mengenai tindakannya dalam menjalankan pemerintahan, mahupun mengenai perbuatan peribadinya sendiri, misalnya meminum minuman yang memabukkan, berzina dan sebagainya.

Umat Islam wajib taat kepada kepala negara yang adil, dan golongan yang tiada taat dinamakan *al-bughāh* atau pemberontak. Adapun terhadap kepala negara yang zalim telah bertikai pendapat ulama menamakannya pemberontak.

1. Pendapat Imam Mutawallī.

Al-Mutawallī berpendapat bahawa orang-orang yang tiada taat kepada kepala negara yang zalim tiada dinamakan pemberontak. (*Hāshiyah Asnā al-Maṭālib* 4:111). Maksud yang terutama dalam melakukan pengangkatan kepala negara ialah untuk menyatukan umat dan menegakkan keadilan serta menghapuskan kezaliman. Penyerahan kekuasaan kepadanya bukanlah untuk mendapat kesempatan berbuat zalim dan

berlaku fasiq. Kepala negara yang berkehendak supaya ditaati oleh umat Islam hendaklah ia berlaku adil dan menjauhi perbuatan yang zalim. Dirinya hendaklah menjadi contoh tauladan dalam menegakkan keadilan dan menyingkirkan kezaliman.

2. Pendapat Imam al-Qufāl

Al-Qufāl berpendapat bahawa orang-orang yang tiada taat terhadap kepala negara (*al-imām al-a'ẓam*) walaupun ia zalim, dinamakan pemberontak juga. (*Hāshiyah Asnā al-Maṭālib* 4:111). Jika kepala negara berlaku fasiq atau berlaku zalim, maka kaum Muslimin wajib melarang perbuatannya itu. Dan jika ia memerintahkan perbuatan yang zalim atau melanggar perintah Tuhan, maka tiada wajib dan tiada boleh taat akan perintahnya itu. Tetapi untuk melarang perbuatannya yang zalim dan fasiq itu tiada boleh mengadakan pemberontakan dan merebut kekuasaan daripada tangannya.

3. Pendapat Ibn Ḥazm

Ibn Ḥazm berpendapat seperti berikut:

“Dan adapun orang yang mengajak kepada kebenaran atau melarang yang *munkar* (mungkar) dan mengajak menegakkan hukum al-Qur’ān dan hadis serta menjalankan hukum dengan adil, tiadalah dinamakan pemberontak, tetapi yang dinamakan pemberontak ialah orang yang melanggarnya.” (*al-Muḥallā* 11:90)

4. Pendapat Imam Nawawī

Imam Nawawī menerangkan dalam *Sharah Muslim* bahawa tiada taat terhadap kepala negara itu hukumnya haram

walaupun ia fasiq lagi zalim. Katanya telah “ijmā’” kaum Muslimin menghukumkan yang demikian.

Fatwa ini telah menjadi perbincangan di kalangan ulama iaitu mengenai keterangan yang mengatakan telah ijmā’ haramnya walaupun kepala negara itu zalim lagi fasiq. Mereka berkata bagaimana dikatakan telah ijmā’ padahal al-Ḥusayn ibn ‘Alī, seorang sahabat dan cucu Nabī Muḥammad *ṣallā Allāh ‘alayhi wasallam* telah memimpin pemberontakan terhadap Yazīd bin Mu‘āwiyah yang telah berlaku zalim dalam pemerintahannya. Dan Ibn Zubayr, seorang sahabat Nabī juga, telah melakukan pemberontakan terhadap ‘Abd al-Malik bin Marwān yang menjadi khalifah. Dalam pada itu bukan sedikit ulama yang terdiri dari sahabat dan tābi‘īn turut berperang pada pihak Saidina Ḥassan dan Ibn al-Zubayr dalam pemberontakan itu.

Sheikh al-Ramlī al-Kabīr mengemukakan suatu penjelasan bahawa yang dikatakan ijmā’ oleh Imam Nawawī itu ialah jika tiada taat tersebut dilakukan dengan tiada suatu alasan dan takwil. Adapun jika beralasan dan bertakwil tiadalah haram. Maka pemberontakan yang dilakukan oleh al-Ḥusayn, Ibn al-Zubayr dan alim ulama yang jadi pengikut mereka adalah masuk bahagian pemberontakan yang tersebut. (*Hāshiyah Asnā al-Maṭālib* 4:111).

Pemberontakan di Indonesia

Keterangan yang telah dikemukakan dalam bahagian yang lalu ialah hukum-hukum fiqah di sekitar masalah pemberontakan terhadap pemerintah Islam yang mempunyai kepala negara yang kedudukan jawatannya telah sah menurut hukum Islam.

Sekarang tinggal suatu masalah lagi yang seyogianya mendapat penjelasan. Adakah boleh terdapat suatu golongan yang dapat dinamakan pemberontak (*al-bughāh*) menurut hukum fiqh Islam di Indonesia sekarang ini?

Bagi menjawab pertanyaan itu harus diselidiki adakah wujud suatu pemerintahan Islam yang mempunyai *al-imām al-a'zam* yang telah sah diangkat menduduki jawatannya itu menurut hukum Islam Indonesia? Jika pemerintahan yang mempunyai *imām al-a'zam* sebagaimana yang disebutkan itu tiada terdapat di Indonesia, maka tiadalah pula boleh terdapat suatu golongan yang dapat diberi nama sebagai pemberontak (*al-bughāh*) menurut hukum fiqh Islam, di Indonesia.

Apabila orang bertanya, dapatkah dinamakan orang yang tiada taat terhadap kepala negara Republik Indonesia yang ada sekarang, sebagai pemberontak menurut hukum fiqh Islam? Pertanyaan itu harus dijawab dengan pertanyaan, iaitu: Adakah kepala negara Republik Indonesia yang ada sekarang telah sah menjadi *al-imām al-a'zam*? Jika kepala negara Republik Indonesia tiada dapat dianggap sebagai *al-imām al-a'zam* dan negara Republik Indonesia bukan negara Islam, maka orang yang tiada taat kepadanya tiadalah dapat dinamakan pemberontak menurut hukum fiqh Islam. Oleh kerana itu jika terjadi pertempuran antara – sesama umat Islam di Indonesia, iaitu pertempuran antara pihak yang tiada taat dan tiada mempunyai *imām al-a'zam*, dengan pihak yang setia yang mempertahankan pemerintah Republik Indonesia, maka semua pertempuran itu hanya dapat dipandang sebagai “perang saudara”, iaitu perang satu “golongan” dengan satu “golongan”, atau menurut sebutan al-Qur’ān Surah al-Hujurāt, ayat 9

yang lalu, perang “*tā’ifah*” dengan “*tā’ifah*”.

Maka baik dikatakan sebagai perang saudara, mahu pun sebagai perang golongan, cara penyelesaiannya hendaklah dilakukan sesuai dengan petunjuk yang difirmankan oleh Allah dalam Surah al-Hujurāt, ayat 9-10, sebagaimana yang telah diterangkan dalam bahagian yang lalu.

Kedudukan Kepala Negara Republik Indonesia

Menurut Keterangan Rasmi

Pengurus besar “Partai” (Partai Tarekat Islam – P.) pernah mengeluarkan keterangan (nombor 1/53) bertarikh 11 Januari 1953 mengenai pengangkatan (pelantikan) wali hakim oleh Menteri Agama Republik Indonesia, di Indonesia. Keterangan itu ditandatangani oleh Ketua Haji Rosli Abdul Wahid, Wali Ketua Dewan Fatwa Haji Yunus Yahya dan Ketua Dewan Partai Tertinggi Haji Sirajuddin Abbas. Antara lain dalam keterangan itu tersebut:

“Negara Republik Indonesia sekarang belum lah negara Islam. Presiden negara sekarang adalah seorang kepala negara yang belum mempunyai kedudukan sebagai khalifah atau *imām al-a'zam* menurut ketentuan agama Islam sehingga ia tiada mempunyai kekuasaan melaksanakan hukum-hukum Islam atau mencampuri urusan dalam agama Islam.”

Berhubung dengan keterangan yang tersebut di atas “Biro Peradilan Agama” atas nama Menteri Agama Republik Indonesia dengan suratnya bertarikh 16 Jun 1953, antara lain menyatakan sebagai yang berikut:

“Kementerian Agama sependapat juga dengan Dewan Fatwa “Partai”, bahawa negara kita sekarang belum lah

negara Islam. Presidennya belum dapat dinamakan khalifah, *imām al-a‘ẓam* atau sultan menurut pengertian syarak, akan tetapi pada hemat kami nyata sudah, bahawa kepala negara sebagai presiden dan panglima tertinggi, adalah *dhū shawkah* (mempunyai kekuasaan – P.)...”

Keterangan rasmi ini menyatakan dengan jelas bahawa kepala negara Republik Indonesia yang ada sekarang bukan khalifah, bukan *imām al-a‘ẓam* atau sultan menurut pengertian syarak, tetapi ia hanya seorang “*dhū shawkah*” iaitu seorang penguasa. Maka berdasarkan keterangan rasmi tersebut nyatalah bahawa golongan orang-orang yang tiada taat terhadap kepala negara Republik Indonesia tiadalah dapat dinamakan pemberontak (*al-bughāh*) menurut hukum fiqh Islam.

Cara Pengangkatan Kepala Negara

Kepala negara Islam disebut *imām al-a‘ẓam*, *khalīfah* dan *amīr al-mu‘minīn*. Kedudukan seorang yang menjadi *imām al-a‘ẓam* dapat dipandang sah dengan salah satu daripada tiga cara yang berikut:

1. *Bay‘ah*
2. *Istikhlāf*
3. *Istīlā’*

Setengah alim ulama menyebut lagi cara yang keempat iaitu “*shūrā*” (dimesyuaratkan). Sedang setengah alim ulama yang lain hanya menyebut tiga cara yang tersebut di atas, kerana pengangkatan cara “*shūrā*” itu dimasukkan dalam bahagian pengangkatan dengan “*istikhlāf*”. (*al-Bughyah* 281, *al-Iqnā’* di tepi

al-Bajayramī 4:188, *al-Muḥallā* 4:174, *al-Tuhfah* 9:76 – 78, dan lain-lainnya).

1. *Bay‘ah* ialah pengangkatan dengan menyatakan taat setia.

(*Muqaddimah* Ibn Khaldūn 174 dan *al-Bajayramī* 4:184).

Pengakuan taat setia itu dinyatakan dengan berterus-terang oleh orang-orang cerdik pandai (alim ulama), ketua-ketua kaum dan orang-orang yang terkemuka, yang disebut menurut istilah fiqh, golongan “*ahlu al-ḥilī wa al-‘aqd*”, iaitu golongan orang-orang yang dapat membuka dan mengikat (*al-Tuhfah* 9:76, *al-Bughyah* 281, *Asnā al-Maṭālib* 4:109, *al-Aḥkām al-Sulṭāniyyah* li al-Ḥanbalī 7, dan lain-lainnya). Khalifah Abū Bakar diangkat dengan *bay‘ah*.

2. *Istikhlāf* ialah pengangkatan dengan jalan penetapan

dari kepala negara yang masih hidup akan orang yang menjadi gantinya sesudah ia mati (*Fath al-Bārī* 13:176, *al-Tuhfah* 9:76, dan lain-lainnya). Ia boleh menetapkan seorang sahaja dan boleh menunjuk beberapa orang, kemudian kepada mereka diserahkan memilih dan menetapkan seorang di antara mereka bakal menjadi kepala negara. Cara menunjuk beberapa orang itu, disebut oleh sebahagian alim ulama: “*Shūrā*”.

Pengangkatan kepala negara dengan *istikhlāf* dapat dipandang sah jika kepala negara yang melakukan *istikhlāf* itu cukup syaratnya. Adapun kepala negara yang tiada cukup syaratnya, misalnya kepala negara yang *ḍarūrah*, maka tiada sah melakukan *istikhlāf*. (*al-Tuhfah* 9:79).

Pengangkatan khalifah ‘Umar dan ‘Uthmān dilakukan dengan *istikhlāf*. (*al-Aḥkām al-Sulṭāniyyah* li al-Mawardī 10, *al-Tuhfah* 9:77, *Imām al-Wafā’* 11, dan lain-lainnya).

3. *Istīlā’* ertinya menguasai dan mengalahkan.

Maksud *istīlā’* di sini mengangkat diri sendiri

menjadi kepala negara dengan jalan menakluki orang banyak dengan kekuatan, dengan tentera dan sebagainya. (*al-Muḥalla* 4:174). Berkuasa dengan melakukan rebutan kekuasaan dan pemerintahan dinamakan *istilā'*.

Ulama fiqh membahagi *istilā'* itu kepada *istilā'* yang sah dan *istilā'* yang tiada sah.

***Istilā'* yang sah**

1. Jika dilakukan pada ketika kepala negara telah mati dan belum ada gantinya.
2. Jika dilakukan terhadap kepala negara yang masih hidup yang memperoleh kekuasaannya dengan *istilā'* juga dan padanya tiada cukup syarat menjadi *imām al-a'zam*. Kepala negara yang telah dapat direbut kekuasaannya itu menjadi *ma'zūl* (terlucut jawatannya – P.) pada ketika kekuasaannya telah direbut. (*al-Tuḥfah* 9:78, dan *Hāshiyah 'amīrah 'alā al-Muḥallā* 4:174).

Ulama fiqh memandang orang yang telah dapat berkuasa atau telah dapat merebut kekuasaan dari tangan suatu pemerintah sebagaimana yang telah diterangkan di atas, sehingga ia berkuasa, sah menjadi kepala negara. (*al-Muḥallā* 4:174, *al-Tuḥfah* 9:78, *al-Bughyah* 281, *Taṣḥīḥ al-Tanbīh* 143, *Asnā al-Maṭālib* 4:110 dan lain-lainnya). Segala tindakannya dan keputusannya yang berlaku menurut syariat Islam dipandang sah untuk faedah umat Islam. (*Asnā al-Maṭālib* 4:110). Dikatakan untuk faedah umat Islam, kerana apabila kedudukannya yang tersebut dan segala keputusan dan tindakannya tiada dipandang sah, akan terjadilah berbagai kekacauan dan kesulitan dalam kehidupan rakyat, kerana akibatnya keputusan pengadilannya tiada sah, wali hakim yang diangkat

olehnya tiada sah, nikah yang dijalankan oleh wali hakimnya tiada sah, dan sebagainya.

***Istilā'* yang Tiada Sah**

1. Jika dilakukan terhadap kepala negara yang hidup yang pengangkatannya dilakukan dengan *bay'ah* (pengakuan taat setia – P.) atau *istikhlāf* oleh kepala negara yang cukup syaratnya. (*Hāshiyah al-Sharwānī* 9:78, dan *Asnā al-Maṭālib* 4:110).
2. Jika orang kafir melakukan *istilā'* orang kafir tersebut tiada sah menjadi *imām al-a'zam*.

Tugas Kepala Negara

Untuk apakah diangkat seorang kepala negara Islam? Menurut keterangan *al-Tuḥfah* 9:75, seorang kepala negara Islam, (*imām al-a'zam*) itu bertugas: “Berdiri sebagai pengganti Nabī untuk menjaga agama dan siyasah dunia.” Dan menurut *Asnā al-Maṭālib* 4:108, “Sebagai pengganti Rasul untuk menegakkan agama dan memelihara sesuatu yang termasuk dalam lingkungan agama.”

Sah Menjadi Kepala Negara Islam

Berdasarkan keterangan yang tersebut di atas, maka sahnya seorang menjadi kepala negara Islam mestilah ditinjau dari dua segi:

1. Dari segi pengangkatannya, iaitu mestilah berlaku dengan salah satu daripada tiga cara yang tersebut di atas: *bay'ah*, *istikhlāf* dan *istilā'*.

(Sambungan pada muka 32)

Abu al-Mokhtar

(Sambungan dari muka 15)

2. Dari segi tugasnya, iaitu mestilah

pengangkatannya untuk tugas sebagai pengganti Nabī menjaga dan menegakkan agama Islam dan siyasah dunia. Dengan tugas tersebut bererti bahawa hukum-hukum yang dijalankan dalam pemerintahannya ialah hukum-hukum syariat Islam.

Maka seorang yang diangkat menjadi kepala negara tetapi tiada dengan *bay'ah* dan *istikhlāf* dan tiada dengan melakukan *istilā'*, tiada sah menjadi kepala negara Islam. Demikian pula seorang yang diangkat menjadi kepala negara dengan *bay'ah* atau *istikhlāf* ataupun dengan melakukan *istilā'* tetapi tiada untuk tugas sebagai pengganti Nabī, tidaklah sah menjadi kepala negara Islam.

Apabila pengangkatnya menjadi kepala negara telah sah, baik dengan jalan *bay'ah*, dan *istikhlāf*, mahupun dengan cara *istilā'*, maka wajiblah umat Islam taat kepadanya. Wajib taat yang tersebut tiada terbatas hanya terhadap kepala negara yang cukup syariatnya sebagai *imām al-a'zam*, tetapi kepala negara darurat juga wajib ditaati. Dan kewajipan taat itu hanya berlaku dalam hal-hal yang tiada melanggar ajaran-ajaran dan hukum Tuhan. (*al-Iqnā'* di tepi *al-Bujayrimī* 4:188, *Fath al-Bārī* 5:13 dan *Asnā al-Ma'ālib* 4:110).

Kewajipan Mengangkat Imam

Umat Islam wajib mengangkat imam sebagai “kepala negara”. Ulama telah *ijmā'* (sepakat) mengatakan wajibnya dan ia termasuk fardhu kifayah.

Al-Māwardī menerangkan:

“Mengangkat imam (kepala negara) hukumnya fardhu

kifayah, serupa seperti berperang dan menuntut ilmu.

Jika orang yang berhak telah ada yang tampil menjadi imam, lepaslah kewajipan dari seluruh umat. Dan sebelum ada lagi orang yang melaksanakannya, hendaklah orang yang termasuk dalam dua golongan yang berikut mengemukakan diri. Pertama, hendaklah orang yang berhak memilih melakukan pemilihan imam (kepala negara) itu bagi umat Islam. Kedua, hendaklah di antara orang yang berhak menjadi imam mengemukakan dirinya menjadi imam.”

(*al-Ahkām al-Sulṭāniyyah* muka 3).

Al-Ghazālī menerangkan:

“Sesungguhnya mestilah ada penguasa untuk

menyelesaikan soal-soal dunia. Penyelesaian soal-soal dunia tertuntut untuk penyelesaian soal-soal agama dan penyelesaian soal-soal agama pula tertuntut untuk mencapai keselamatan, iaitu kebahagiaan akhirat. Itulah maksud Nabī-Nabī. Sebab itu kewajipan mengangkat imam termasuk perkara-perkara yang dituntut oleh syariat. Tiada suatu jalan pun yang mengizinkan perkara itu ditinggalkan.” (*al-Iqtisād fī al-I'tiqād* muka 97).

Imam Nawawī menerangkan:

“Dan telah *ijmā'* mereka mengatakan bahawa kaum

Muslimin wajib mengangkat khalifah (kepala negara). Dan wajibnya itu dengan hukum syarak, bukan dengan akal.”

(*Sharah Muslim* 12:205).

Ibn Khaldūn pula menerangkan:

“Bahawasanya mengangkat imam (kepala negara) ini wajib

dengan *ijmā'*. Maka ia termasuk *fadhū kifayah*.”

(*Muqaddimah* Ibn Khaldūn muka 161).

Wilayah Kekuasaan Imam

Daerah yang termasuk di dalam kekuasaan imam (kepala negara) dinamakan menurut istilah ilmu fiqh “*dār al-Islām*”. “*Dār*” ertinya tempat. Desa, kampung, negeri dan negara dapat dinamakan “*dār*”, kerana semua yang tersebut ialah tempat. Semua tempat-tempat yang termasuk dalam lingkungan kekuasaan imam, baik penduduknya beragama Islam, mahu pun tidak, disebut: “*dār al-Islām*”.

Ibn Hajar al-Haytamī menerangkan: “Cukup untuk menyatakannya untuk menjadi *dār al-Islām*, bahawa ia di bawah kekuasaan imam (kepala negara) walaupun tiada seorang Muslim di dalamnya.” (*al-Tuhfah* 9:269, *Tafsīr al-Manār* 10:316 dan 10:109)

Keterangan tentang *Dār al-Islām*

Daerah yang dinamakan *dār al-Islām* menurut istilah ilmu fiqh ada tiga macam:

1. Negeri, kampung, desa dan sebagainya yang sedang menjadi tempat kediaman umat Islam. Tempat-tempat tersebut dinamakan *dār al-Islām*. *Dār al-Islām* dengan erti yang tersebut banyak sangkut pautannya dengan hukum fiqh Islam. Misalnya: Seorang yang telah mati dijumpai dalam sebuah kampung, tidak diketahui adakah beragama Islam atau tidak. Jika kampung tersebut *dār al-Islām* iaitu kampung tempat kediaman umat Islam, wajiblah mayat itu diselenggarakan sebagai mayat orang yang beragama Islam. Wajib dimandikan, dikafankan,

disembahyangkan dan dikuburkan.

Berhubung dengan ini terdapat pula sebutan: “*Dār al-kufr*” ertinya kampung orang kafir, iaitu kampung yang penduduknya orang-orang kafir.

2. Daerah yang termasuk dalam kekuasaan pemerintahan Islam, baik penduduknya beragama Islam atau tidak. *Dār al-Islām* di sini bererti negara Islam. *Dār al-Islām* dengan erti yang tersebut banyak pula sangkut pautnya dengan hukum fiqh Islam. Di antaranya pemerintah daerah itu melindungi jiwa dan harta tiap-tiap penduduk yang termasuk dalam daerah tersebut selama mereka memenuhi kewajiban mereka sebagai penduduk, baik yang beragama Islam mahupun tidak.

Apabila terjadi pemberontakan dalam daerah *dār al-Islām*, maka bahagian yang dapat dikuasai oleh kaum pemberontak dinamakan “*dār al-bughā*”, ertinya tempat pemberontakan. Dan bahagian yang masih tetap dalam kekuasaan pemerintah dinamakan “*dār al-'adl*”, ertinya tempat keadilan.

Berhubung dengan ini, maka sebuah negara yang penduduk dan pemerintahnya orang-orang kafir, dinamakan “*dār al-kufr*”, ertinya “negara kafir”. *Dār al-kufr* yang bermusuhan atau berperang dengan *dār al-Islām* dinamakan “*dār al-ḥarb*”, ertinya negara yang boleh diperangi.

3. Daerah yang sudah pernah dikuasai kaum Muslimin, iaitu daerah yang sudah pernah menjadi *dār al-Islām* dengan erti negara Islam kemudian dijajah atau dirampas oleh orang kafir. Daerah yang tersebut pada hukumnya tetap dinamakan *dār al-Islām* walaupun telah berganti-ganti tangan yang menguasainya. Tanah tersebut pada

hukumnya tetap dinamakan *dār al-Islām* walaupun telah berganti-ganti tangan yang menguasainya. Halnya serupa seperti sebidang tanah yang telah jadi hak milik yang sah bagi seorang kemudian dirampas oleh orang lain dan telah berganti-ganti tangan yang menguasainya. Tanah tersebut pada hukumnya tetap menjadi hak milik bagi orang yang telah memilikinya yang pertama dengan sah. Demikian juga suatu daerah yang telah pernah menjadi *dār al-Islām* tetap selama-lamanya pada hukumnya *dār al-Islām*. Di antara hukum fiqah yang ada hubungannya dengan masalah ini ialah menjadi kewajiban bagi umat Islam memperjuangkannya supaya kembali lagi menjadi *dār al-Islām* langsung di bawah kekuasaan umat Islam. (*Al-Tuhfah* 9:269, *al-Bughyah* 289 dan *Tafsīr al-Manār* 10:313 dan 316).

Tersebut dalam *Bughyah al-Mustarshidīn* 209: “Maka ketahuilah bahawa tanah Betawi (Jakarta) bahkan kebanyakan Tanah Jawa (Indonesia) ialah *dār al-Islām* kerana telah pernah dahulu dikuasai oleh kaum Muslimin sebelum lagi dikuasai oleh orang kafir.”

Berbagai-bagai Kepala Negara

1. *Imām al-A'zam*

Seorang yang menjadi kepala negara Islam dengan jalan “*bay'ah*”, *istikhlāf* atau *istīlā'*, dikatakan menjadi *imām al-a'zam* jika cukup syarat *imām al-a'zam* padanya. Syarat itu menurut *al-Tuhfah* 9:75:

1 Beragama Islam. 2 Mukallaf (akil baligh).

3 Merdeka (bukan hamba abdi). 4 Lelaki. 5

Berbangsa Quraisy. 6 Mujtahid. 7 Berani. 8 Bijak

(*dhū ra'yi*). 9 Mendengar, melihat dan dapat berkata-kata. 10

Adil (tidak fasiq). 11 Selamat anggotanya daripada

cacat yang menghalangi bangun dan bergerak.

Mengenai syarat kelima di atas yang menetapkan berbangsa

Quraisy, terdapat pertikaian pendapat ulama padanya. Qāḍī

Abū Bakr al-Bāqillānī mengatakan tiada menjadi syarat,

(Lihat *Muqaddimah Ibn Khaldūn* 162).

2. *Imām ḍarūrah*.

Ḍarūrah menurut *lughah* Arab, ertinya *hājah*. Bagi

memegang jawatan kadi atau hakim misalnya, hendaklah diangkat

orang yang cukup syarat kadi atau hakim padanya.

Di antara syarat itu mestilah ia seorang alim mujtahid.

Apabila umat berhājah kepada kadi atau hakim yang akan

menyelesaikan dan memutuskan perkaranya, sedang orang

alim yang mujtahid tiada dijumpai, boleh diangkat orang alim

yang tiada mujtahid. Kadi atau hakim yang seperti itu

disebut kadi atau hakim *ḍarūrah*, ertinya kadi atau

hakim yang tiada cukup syaratnya tetapi terpaksa diangkat

kerana *ḍarūrah* (*hājah*) (*al-Tuhfah* 10:114).

Maka demikian juga mengenai kepala negara (*imām*

al-a'zam). Apabila orang yang cukup syarat *imām al-a'zam*

padanya tiada didapati, sedang umat berhājah mempunyai

kepala negara yang akan memimpin negaranya, maka boleh

diangkat orang yang kurang syaratnya. Kepala negara yang

demikian dinamakan *imām ḍarūrah*, ertinya imam yang kurang

syaratnya tetapi telah diangkat kerana *ḍarūrah* (*hājah*).

3. *Walī bi al-shawkah*.

Walī bi al-shawkah ertinya wali atau penguasa dengan

kekuatan. *Walī bi al-shawkah* ialah penguasa yang memperoleh

kekuasaannya dengan kekuatan. Orang yang menjadi *walī*

bi al-shawkah ialah orang yang memperoleh kekuasaannya dengan

istilā' sedang syarat-syarat *imām al-a'zam* tiada cukup padanya.

Kepala negara Islam yang memperoleh kekuasaannya dengan *istilā'* terbahagi kepada dua. Pertama, dapat menjadi *imām al-a'zam* apabila syarat *imām al-a'zam* cukup padanya. Kedua, hanya menjadi orang yang berkuasa dengan *shawkah* (*walī bi al-shawkah*) jika syarat-syarat *imām al-a'zam* tiada cukup padanya (*Bughyah al-Mustarshidīn* 281).

4. *Dhū li Shawkah*¹.

Dhū al-shawkah, ertinya orang yang mempunyai kekuatan. *Bughyat al-Mustarshidīn*, muka 281 menyebut:

“Dan makna *dhū al-shawkah* ialah patuh, taat dan menurut kepada perintahnya walaupun tiada padanya alat perang, tentera dan sebagainya yang menakutkan seperti yang ada pada sultan.”

Orang yang dipatuhi dan ditaati serta diturut orang perintahnya dinamakan *dhū al-shawkah*. Kepala negara yang berkuasa yang dipatuhi dan ditaati perintahnya dinamakan *dhū al-shawkah* walaupun ia tiada beragama Islam dan negaranya bukan negara Islam. Pimpinan pemberontak yang mempunyai kekuasaan dalam daerahnya dan dipatuhi oleh pengikut-pengikutnya dinamakan *dhū al-shawkah*. Kepala negara Republik Indonesia yang ada sekarang menurut keterangan rasmi dari Kementerian Agama Republik Indonesia, sebagaimana yang telah diterangkan dalam bahagian yang lalu ialah seorang *dhū al-shawkah* juga.

Walī al-Amr Ḍarūrī bi al-Shawkah

Pada bulan Mac 1954 telah dicuba orang memberi kedudukan *walī al-amr Ḍarūrī bi al-shawkah* untuk

kepala negara Republik Indonesia yang ada sekarang sebagai hasil keputusan mesyuarat beberapa orang ulama yang ditunjuk dan dipilih oleh Menteri Agama Republik Indonesia, Kiyai Haji Mashkor dari Nahdatul Ulama. Mesyuarat tersebut telah berlangsung pada 2 sampai 7 Mac 1954 di Cipanas, Cianjur, dipimpin oleh Menteri Agama sendiri.

Antara lain mesyuarat itu telah mengambil keputusan yang berikut:

1. Presiden sebagai kepala negara serta alat-alat negara sebagaimana yang dimaksudkan dalam undang-undang dasar fasal 44, yakni jemaah menteri, parlimen dan sebagainya, adalah *walī al-amr Ḍarūrī bi al-shawkah*.

2. *Walī al-amr Ḍarūrī bi al-shawkah* ditaati oleh rakyat dalam hal-hal yang tidak menyalahi syariat.

3. Tauliah (*tawliyyāh*) wali hakim dari presiden kepada menteri agama dan seterusnya kepada siapa yang ditunjuk olehnya termasuk pula tauliah wali hakim yang menurut kebiasaan yang hidup ditempat-tempat yang ditunjuk oleh *ahlu al-hilli wa al-'aqd*, adalah sah.

Menurut naskah yang disalin oleh kepala “Biro Keradilan² Agama” bertarikh 8 Mac 1954, Menteri Agama, Haji Mashkor telah menyetujui keputusan itu.

Keputusan tersebut telah jadi perbincangan ramai dikalangan umat Islam di Indonesia. Banyak bantahan dikemukakan orang melalui surat-surat khabar. Ketua proksi Partai Syarikat Islam Indonesia, Arudji Kartawinata memajukan bantahan yang hebat dalam sidang dewan perwakilan rakyat sementara. Dalam pada itu salah

¹ *Dhū al-shawkah*

² Peradilan

seorang anggota parlimen telah memajukan pula pertanyaan kepada pemerintah.

Berhubung dengan soal tersebut, patut diketahui bahawa pada ketika itu ada kejadian yang hangat di Indonesia. Penduduk Aceh sedang melakukan perlawanan yang hebat terhadap pemerintah Republik Indonesia dengan mengisytiharkan Aceh menjadi negara bahagian dari “negara Islam Indonesia” yang pernah diisytiharkan oleh Kartosuwiryo sebagai imamnya pada 17 Ogos 1949. Kuat dugaan orang bahawa keputusan itu hendak dipergunakan oleh Menteri Agama yang berkedudukan rasmi dalam sebuah negara yang bukan negara Islam untuk menghukum perlawanan penduduk Aceh tersebut dari segi hukum Islam dan memasukkannya menjadi golongan “*al-bughāh*” (pemberontak yang menceroob – P.) sedang pemerintah Republik Indonesia bukanlah negara Islam yang memakai dan menjalankan hukum pidana (jenayah) Islam dalam pemerintahannya.

Pada 20 Mac 1954 Kementerian Agama Republik Indonesia telah mengeluarkan penjelasan menyatakan bahawa perkataan *walī al-amr* dalam keputusan itu adalah menurut *lughah* (bahasa) Arab. Dan dinyatakan lagi bahawa keputusan itu digunakan khusus dalam menghadapi tauliah wali hakim. Di antara lain dijelaskan seperti berikut:

“... dan sungguhpun perkataan *walī al-amr* di dalam negara-negara Islam tidak biasa digelar orang kepada seorang kepala negara, akan tetapi menurut pengertian *lughah* (bahasa) dari bahasa Arab, pimpinan kekuasaan (pemerintahan) dapat dinamakan *walī al-amr*.”

Kemudian dijelaskan lagi:

“Dengan penjelasan ini nyatalah bahawa istilah

walī al-amr ḍarūrī bi al-shawkah oleh Persidangan Alim Ulama di Cipanas itu digunakan khusus dalam menghadapi masalah wali hakim.”

Demikian penjelasan Kementerian Agama.

Jika penjelasan Kementerian Agama tersebut dibenarkan bahawa yang dimaksudkan dengan *walī al-amr* dalam keputusan itu hanya menurut *lughah* (bahasa) Arab belaka, bukan *walī al-amr* menurut Islam, dan istilah “*walī al-amr ḍarūrī bi al-shawkah*” digunakan khusus dalam menghadapi wali hakim, maka bagaimana hubungannya dengan keputusan yang kedua yang berbunyi: “*walī al-amr ḍarūrī* wajib ditaati oleh rakyat”. Keputusan yang kedua ini menunjukkan bahawa yang dimaksudkan dengan “*walī al-amr*” dalam keputusan itu ialah *walī al-amr* menurut Islam, kerana *walī al-amr* menurut *lughah* (bahasa) Arab tidak ada hukum wajib ditaati padanya.

Dari keterangan yang sudah dikemukakan dalam bahagian yang lalu telah nyata bahawa presiden negara Republik Indonesia yang ada sekarang tidak dapat dinamakan “*walī al-amr*” secara Islam, baik dipandang dari segi pengangkatannya, mahupun dari segi tugasnya yang dilakukan bukan dengan jalan “*bay‘ah*” atau “*istikhlāf*” dan bukan pula dengan “*istīlā*” untuk menjalankan tugas sebagai pengganti Nabī. Menurut undang-undang dasar sementara, fasal 47, kepala negara Republik Indonesia yang ada sekarang, adalah bersumpah setia pada ketika pengangkatannya kepada undang-undang dasar (perlembagaan – P.) sementara, dan peraturan yang berlaku bagi Republik Indonesia bukan undang-undang dan peraturan Islam.

Adapun mengenai pengangkatan wali hakim dipandang sah di Indonesia adalah kerana pemerintah Indonesia

mempunyai *shawkah* (*dhū al-shawkah*), bukan kerana telah menjadi *walī al-amr* secara Islam. Pengangkatan wali hakim tidaklah terbatas hanya oleh imam atau *walī al-amr* secara Islam, tetapi dapat dilakukan oleh salah satu dari tiga golongan yang berikut:

1. *Imām al-a'zam* atau naibnya.
2. *Dhū al-shawkah*
3. *Ahlu al-ḥilli wa al-'aqd*

Jika dalam daerah itu tidak ada imam atau naibnya boleh diangkat oleh *dhū al-shawkah*. Dan jika *dhū al-shawkah* tidak ada boleh diangkat oleh *ahlu al-ḥilli wa al-'aqd*. (*Al-Bughyah* 308 dan *I'ānah al-Ṭālibīn* 4:210).

Keberhentian Kepala Negara

Imam atau kepala negara berhenti dengan salah satu daripada empat sebab yang berikut:

1. Meletakkan jawatan, iaitu ia *mema'zūlkan* (memecat – P) dirinya sendiri (*al-Bughyah* 281)
2. Terdapat sebab-sebab yang *mema'zūlkan* padanya. Sebab-sebab itu ialah murtad, gila yang berkepenjangan, buta kedua matanya, kurang anggotanya hingga tiada dapat bekerja atau bangun, misalnya terpotong kedua belah kaki atau tangannya. Dan ada beberapa sebab lagi yang dipertikaikan oleh ulama. (*Al-Aḥkām al-Sulṭāniyyah* li al-Māwardī 15-18, *Imām al-Wafā'* 13, *Hāshiyah al-Sharwānī* 9:75, dan lain-lainnya).
3. Ditawan oleh orang kafir dan tiada diharap lagi lepasnyanya. Kalau yang menawan itu pemberontak haruslah kaum pemberontak itu telah mengangkat kepala

negara sendiri dan kepala negara yang ditawannya itu tiada diharap lagi lepasnyanya. Jika kaum pemberontak belum mengangkat kepala negara sendiri tiadalah ia *ma'zūl* walaupun tiada diharap lagi lepasnyanya. (*al-Aḥkām al-Sulṭāniyyah*³ li al-Māwardī 15-18, *al-Aḥkām al-Sulṭāniyyah* li al-Ḥanbalī 16, *Asnā al-Maṭālib* 4:111, *al-Tuhfah* 9:79 dan lain-lainnya).

4. Hilang *shawkah*nya, jika kepala negara itu memperoleh kekuatannya dengan *istilā'*, sedang syarat *imām al-a'zam* tiada cukup padanya, maka apabila *shawkah* dan kekuasaannya itu hilang, *ma'zūllah* (terpecatlah) ia. (*al-Bughyah* 281).

Penyelesaian Pertempuran di Indonesia

Setelah mengetahui bagaimana cara pengangkatan dan bagaimana sahnya seorang menjadi kepala negara Islam serta mengetahui tugasnya menurut hukum fiqh Islam, dapatlah diambil kesimpulan bahawa kepala negara Republik Indonesia yang ada sekarang tidak termasuk dalam golongan *imām al-a'zam*, baik yang cukup syaratnya mahu pun yang *darūrah*. Demikian juga tidak termasuk dalam golongan *walī bi al-shawkah*. Semua nama jawatan tersebut adalah khusus untuk kepala negara Islam yang pengangkatan dan kedudukannya sebagai pengganti Nabi untuk menjalankan syariat Islam.

Dalam masalah ini, saya sependapat dengan keterangan rasmi yang pernah dinyatakan oleh Kementerian Agama Republik Indonesia, sebagai telah diterangkan dalam bahagian yang lalu bahawa kepala negara Republik Indonesia yang ada sekarang belum dapat dinamakan khalifah, *imām al-a'zam* atau sultan menurut pengertian syarak, dan negara Republik

³ *al-Sulṭāniyyah*

Indonesia belum (menjadi) negara Islam. Kepala negara Republik Indonesia yang ada sekarang hanya seorang *dhū al-shawkah*. Sebab itu ikatan negara Republik Indonesia dengan alat-alat perlengkapannya baharu merupakan satu pertubuhan dunia yang diatur oleh manusia “berdasarkan hal-hal yang sesuai dengan kehendak hatinya”, dan belum termasuk dalam lingkungan pertubuhan yang terikat secara hukum agama. Sebab itu belumlah ada padanya hukum wajib ditaati yang mesti dilakukan oleh umat Islam sebagaimana yang wajib dilakukan terhadap *imām al-a‘ẓam*, dan golongan yang tiada taat kepadanya belum pula dapat dinamakan *al-bughah* (pemberontak yang mencero - P.). Semua yang tersebut itu ialah hukum-hukum Islam yang berlaku terhadap seseorang kepala negara yang negaranya telah terikat secara pertubuhan agama yang disebut: Negara Islam.

Maka jika terjadi pertempuran antara sesama umat Islam di Indonesia, baik yang berpihak sebagai tentera kepada pemerintah Republik Indonesia, mahupun tidak. Apabila kita hendak melakukan penyelesaiannya secara Islam, hendaklah perkara itu ditinjau dari segi bahawa pertempuran tersebut hanya sebagai perang saudara atau perang golongan dengan golongan belaka, bukan dari segi perlawanan terhadap *imām al-a‘ẓam* yang dihadapi sebagai pemberontakan. Dalam pada itu, hendaklah bangun dari golongan kaum Muslimin orang yang jadi “juru damai” yang akan melakukan penyelesaiannya sebagaimana difirmankan Allah dalam surah al-Hujurat 9-10, seperti yang telah diterangkan tafsirnya pada permulaan tulisan

ini. Lebih lanjut di dalam Tafsir al-Manār 6:367 ada dikemukakan pendapatnya seperti berikut:

“Jika di dunia ini ada pemerintah yang adil yang mendirikan syariat, dan pemerintah yang zalim yang tiada melindungi syariat, wajiblah bagi tiap-tiap orang yang beragama Islam menolong yang pertama dengan bersungguh-sungguh. Jika segolongan kaum Muslimin berlaku zalim terhadap yang lain, dan mereka menggunakan pedang, apabila perdamaian tidak dapat dilakukan antara keduanya, wajiblah kaum Muslimin memerangi pihak yang zalim yang melakukan permusuhan hingga mereka kembali tunduk kepada perintah Allah.”

Kewajipan Umat Islam Indonesia Mengangkat Imam

Pemerintah Republik Indonesia sampai saat ini belum lagi mempunyai kepala negara yang pengangkatannya berlaku secara Islam dan bertugas menjalankan hukum-hukum Islam. Sebab itu menjadi kewajipanlah bagi umat Islam di Indonesia memperjuangkan terwujudnya kepala negara yang demikian hingga pucuk pimpinan pemerintahan di Indonesia terpegang pada tangan orang yang bertugas sebagai pengganti Nabī untuk menegakkan dan memelihara agama Islam dan siyasah dunia, dan ajaran serta hukum-hukum Islam berjalan sebagaimana mestinya.

Kepada Allah ‘*azza wa jallā* kita pohonkan hidayah, taufik dan ‘*ināyah*-Nya dalam melaksanakan perjuangan tersebut.

(Demikian kata al-Fāḍil al-Ustādh Muḥammad Arshad Talib Lubis mengunci tulisannya - Abu al-Mokhtar).